# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama**
**Sidang Akademik 1997/98**

**September 1997**

**PDP 416 : KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI I**

**Masa : [ 3 jam ]**

---

**Jawab empat (4) soalan sahaja. Soalan I adalah wajib. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.**

**Soalan Wajib**

1. Secara umum matlamat pendidikan geografi di sekolah menengah di dunia ini adalah bertemakan politik, ekonomi dan sosial. Bincangkan kenyataan ini dari sudut objektif pengajaran geografi di beberapa negara dan analisiskan objektif pengajaran geografi di Malaysia berasaskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

**Soalan Pilihan**

2. Teknik-teknik pengajaran berpusatkan guru dan berpusatkan murid dapat membantu keberkesanan pembelajaran geografi di sekolah menengah. Analisiskan secara kritis kenyataan ini dari aspek konsep dan implikasi penggunaannya dengan berdasarkan contoh-contoh yang sesuai.

3. Bincangkan kesemua teknik berikut dari segi konsep dan tatacara pelaksanaannya di dalam pengajaran geografi bilik darjah.

   a. Simulasi
   b. Inkuiri
   c. Kuliah

4. Halkan semua bahan pengajaran geografi seperti dinyatakan di bawah dari aspek prinsip dan implikasinya kepada pembelajaran murid.

   a. Model tiga dimensi
   b. Transparensi
   c. Poster

...2/-

5. Kajian Tempatan di peringkat sekolah menengah rendah amat penting untuk menguji kefahaman dan kemahiran murid dalam geografi. Analisiskan kenyataan ini dari sudut konsep, prinsip, prosedur dan implikasi.

6. Nilai murni dalam kurikulum geografi sekolah menengah amat penting dalam usaha membina personaliti murid ke arah penjagaan alam semulajadi negara. Bicarakan kenyataan ini dari sudut definisi konsep, tatacara penerapan, contoh unit pengajaran dan implikasinya.

ooo0ooo